

**MAJLIS PERBANDARAN KAJANG  
TAWARAN SEBUTHARGA**

Tawaran ini adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang memiliki **Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (SPPK)**, dan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** dari **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dalam gred, kategori dan pengkhususan berkaitan dan memiliki **Sijil Taraf Bumiputera** dari **Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU)**, atau syarikat-syarikat yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)** dalam bidang dan jenis pendaftaran yang berkaitan bagi perolehan yang berkenaan. Kontraktor / syarikat juga perlu berdaftar dengan **Unit Perancang Ekonomi (UPEN) Selangor** dan masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja / perkhidmatan / bekalan berikut:

No. Sebutharga	Tajuk Projek	Pendaftaran dan Taraf	Gred, Kategori Dan Pengkhususan	Harga Dokumen (RM)	Tarikh Dokumen Dijual
MPKj S 126/2020	Cadangan Kerja-Kerja Pembinaan Gelanggang Futsal Di Jalan Bangi Avenue 6/8, Taman Bangi Avenue 2, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan.	CIDB G1	CE21	RM50.00	24 September 2020 Hingga 8 Oktober 2020
MPKj S 127/2020	Cadangan Kerja-Kerja Menaiktaraf Fasa 4 Dan 5, Di Kawasan Lapang Taman Tasik Cempaka, Bandar Baru Bangi, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan.				
MPKj S 128/2020	Cadangan Kerja-Kerja Pembangunan Padang Bola Sepak Di Jalan 15/5C, Seksyen 15, Bandar Baru Bangi, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan.		CE14		

**DOKUMEN MEJA TERKAWAL**

Dokumen Meja Terkawal boleh disemak di laman sesawang <http://tender.selangor.gov.my>

**Penyebutharga terlebih dahulu dikehendaki mendaftar secara atas talian di laman sesawang <http://tender.selangor.gov.my> dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) sebelum membeli Dokumen Tawaran.**

Sila pastikan **MAKLUMAT SYARIKAT** (nombor telefon yang boleh dihubungi dan email) di dalam Sistem Tender Online Selangor 2.0 **DIKEMASKINI**.

**Pembelian Dokumen Tawaran secara atas talian diwajibkan melampirkan salinan resit asal bayaran semasa tarikh tutup sebutharga. Resit tersebut hendaklah dilampirkan di mukasurat hadapan dokumen. Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan Dokumen Tawaran ditolak.**

Tempoh penjualan Dokumen Tawaran adalah pada **24HB. SEPTEMBER 2020 HINGGA 8HB. OKTOBER 2020**. Dokumen Tawaran tidak akan dikeluarkan selepas dari tarikh tersebut.

**TARIKH PENYERAHAN**

Dokumen Tawaran yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri dan bertanda dengan tajuk kerja berkenaan dan **dimasukkan ke dalam Peti Tawaran** di Bahagian Bekalan Dan Perolehan, Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Perbandaran Kajang, Menara MPKj, Jalan Cempaka Putih, Off Jalan Semenyih, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan **SEBELUM atau PADA 8HB. OKTOBER 2020 (KHAMIS) JAM 12.00 TENGAHARI**. Pihak tuan/puan digalakkan untuk menghantar dokumen tawaran seawal tiga (3) hari bekerja sebelum tarikh tutup yang telah ditetapkan. Ini adalah bagi memastikan Prosedur Operasi Standard (SOP) dari Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) semasa menghantar dokumen tawaran seperti memastikan penjarakan fizikal dipatuhi dan tidak dibenarkan menghantar dokumen tawaran secara berkumpulan.

## **LAWATAN TAPAK**

Lawatan tapak adalah tidak diwajibkan. Namun begitu, Penyebutharga dinasihatkan supaya melawat tapak projek sebelum mengemukakan sebutharga bagi mengetahui lebih lanjut mengenai keadaan tapak bina yang akan dihadapi. Sebarang tuntutan akibat kesilapan dalam menentukan kaedah pembinaan atau menghargakan sebutharga disebabkan kekurangan pengetahuan mengenai keadaan tapak bina tidak akan dilayan.

Dalam hal ini, sekiranya Penyebutharga mahu melawat sendiri kawasan atau tapak berkenaan, amalan penjarakkan, penggunaan 'hand sanitizer' dan pemakaian 'face mask' perlu dipatuhi seperti yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN).